



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA

**MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
APRIL 2021**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pihak terutamanya kepada penjaja berkaitan panduan dan tatacara permohonan lesen penjaja di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar dengan mengambil kira keperluan peruntukan undang-undang, konsep perniagaan dan kesesuaian kawasan setempat untuk aktiviti penjajaan.

2.0 LATAR BELAKANG

Daerah Kota Setar merupakan daerah berdaya huni dan merupakan daerah utama serta ibu negeri yang pesat membangun. Dari sebuah Badan Kebersihan Bandar atau "Sanitary Board", pentadbiran Bandar Alor Setar bertukar kepada "Lembaga Bandaran Alor Setar" pada tahun 1958 yang kemudiannya dinaikkan taraf sebagai "Majlis Daerah Kerajaan Tempatan" pada 1 Mac 1974, sekali lagi dinaikkan taraf sebagai "Majlis Perbandaran Kota Setar" pada 1 Februari 1978 dan akhirnya diistiharkan sebagai "Majlis Bandaraya Alor Setar" pada 21 Disember 2003. Menjelang kelahiran Alor Setar sebagai "Bandaraya" pada bulan Disember 2003, genaplah usianya 268 tahun semenjak ianya diasaskan pada 31 Disember 1735. Dengan ini membuktikan bahawa Bandaraya Alor Setar merupakan salah sebuah Bandaraya yang tertua di rantau ini.

Seiring dengan kepesatan pembangunan ekonomi, aktiviti perniagaan kecil juga adalah salah satu aktiviti yang menyumbang kepada penjanaan ekonomi penduduk sekitar yang menjalankan aktiviti tersebut untuk pendapatan sampingan mahupun sebagai sumber mata pencarian utama di sekitar kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar.

Walaubagaimanapun, sekiranya aktiviti penjajaan ini dijalankan secara tidak terkawal, ianya akan mendatangkan masalah-masalah kepada penduduk setempat sekaligus menimbulkan aduan-aduan kepada Majlis Bandaraya Alor Setar secara amnya. Antara aduan-aduan serta masalah yang timbul adalah lokasi jajaan yang berbahaya kepada pelanggan dan pengguna jalanraya,

kegagalan pengurusan sampah yang sempurna, risiko keracunan dan kebersihan makanan kepada pelanggan dan paling utama adalah binaan gerai secara kekal di atas tanah rizab simpanan jalan dan juga pencerobohan tanah kerajaan. Keadaan ini akan mengakibatkan implikasi dan kesan buruk terhadap golongan tidak berkepentingan. Garis Panduan ini di laksanakan bagi memberikan tatacara permohonan lesen penjaja dikawasan Majlis Bandaraya Alor Setar dan mengambilkira peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (MBAS) 2010.



Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja bermula dengan menjadi sebahagian daripada Jabatan Perbandaran dan Kesihatan di MBAS dan hanya dikenali sebahagian daripada Bahagian Perlesenan dan Pengurusan Pasar Kemudiannya pada 1 Januari 2013 satu proses penstrukturkan semula Jabatan-Jabatan di dalam MBAS telah dijalankan dan Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja telah diwujudkan dan Bahagian Pasar di mansuhkan dan mengambil sebahagian tugas Pengurusan Penjaja di Bahagian Pelesenan di bawah Jabatan baru dikenali Jabatan baru iaitu Jabatan kesihatan Persekutuan bagi tujuan penamabahbaikan di MBAS. Tugas-tugas utama Pengurusan Pasar dan Penjaja adalah untuk menerima, memeriksa, memproses, mengeluarkan dan mengawal pengeluaran semua lesen penjaja dan lesen pasar serta permit-permit lain yang dikeluarkan oleh MBAS. Selain daripada itu, Pengurusan Pasar dan Penjaja juga menguatkuasakan Undang-Undang Kecil yang berkaitan dengan pelesenan pasar dan penjaja dan penguatkuasaan syarat-syarat pelesenan di MBAS bagi memastikan semua aktiviti perniagaan di Kota Setar mengikut peraturan-peraturan yang telah

ditetapkan. Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja juga menjalankan aktiviti pengumpulan maklumat dan data berkaitan aktiviti-aktiviti perniagaan di seluruh kawasan pentadbiran untuk tujuan rekod MBAS. Sebarang aduan yang diterima berkaitan Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja dengan aktiviti perniagaan akan disiasat oleh dan laporan berkenaan aduan tersebut akan disediakan dan di selaraskan dengan Bahagian Inspektorat jabatan. Pengurusan Pasar dan Penjaja juga merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan lesen penjaja di kompleks-kompleks perniagaan MBAS dan pasar-pasar awam milik MBAS dari segi kutipan sewaan, laporan kebersihan dan pengurusan penjaja.

3.0 PERUNDANGAN: AKTA/ENAKMEN/ORDINAN/PERATURAN/KAEDAH/UNDANG-UNDANG KECIL YANG DIGUNAPAKAI OLEH MBAS.

3.1 Akta- Akta yang di gunapakai

- 3.1.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976(Akta 171)
- 3.1.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- 3.1.3 Akta Jalan,Parit dan Bangunan 1974(Akta 133)

3.2 Undang- Undang yang digunapakai

- 3.2.1 Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (MBAS) 2010.
- 3.2.2 Undang – Undang Kecil Pasar (MPKS) 1989.
- 3.2.3 Undang-Undang Kecil Pasar Malam/Sehari (MBAS)2013.

3.3 Garis Panduan yang digunapakai

- 3.3.1 Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.3.2 Garid Panduan Pusat Penyembelihan Ayam,Itik dan Iain -lain Unggas.

- 3.3.3 Garis Panduan Sistem Peggereden Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.3.4 Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam /Pasar Harian/Pasar Tani di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

4.0 OBJEKTIF PELESENAN PENJAJA

- 4.1 Memastikan semua kegiatan perniagaan penjaja dilesenkan untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat perniagaan.
- 4.2 Memastikan penjaja mematuhi syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan
- 4.3 Merancang dan mengawal semua aktiviti pelesenan penjaja bagi mencapai tahap pengurusan yang cekap dan berkualiti.

5.0 MAKLUMAT PEGAWAI –PEGAWAI DI BAHAGIAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA.

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON
Pn Jazilah binti Jalaludin	Pegawai Kesihatan Persekutaran (Ketua Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja)	04-7300813 EXT: 848
En Khaleed Shah	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (Ketua Unit Bahagian Pengurusan Pasar Dan Penjaja)	04-7308751 EXT : 875
En Amir	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (Bahagian Pengurusan Pasar Dan Penjaja)	04-7308751 EXT : 875

Pn Siti Raihan	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (Bahagian Pengurusan Pasar Dan Penjaja)	04-7308751 EXT : 875
----------------	--	-------------------------

6.0 LESEN PENJAJA

Permohonan lessen penjaja ini meliputi semua aktiviti perniagaan seperti yang di bawah;

- Penjaja Pasar Tani/Pagi/Sehari/Malam/bazar/Uptown
- Pasar Awam/Gerai Majlis
- Gerai dalam Pusat Penjaja
- Stall/Kiosk Kompleks Beli Belah
- Beredar/Bergerak
- Permit Sementara
 - Jualan Gudang/Promosi
 - Ekspo dan Karnival
 - Bazar Perayaan
 - Permit sementara kaki lima
 - Jualan Sementara/Buah-Buahan Bermusim

7.0 MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN LESEN PENJAJA

7.1 SYARAT PERMOHONAN

- 7.1.1 Permohonan perlu mengisi satu salinan borang sahaja
- 7.1.2 Permohonan hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas
- 7.1.3 Permohon perlu membayar caj-caj dikenakan oleh pentadbiran MBAS
- 7.1.4 Borang permohonan lengkap perlu dihantar BPPP dan permohonan tidak lengkap tidak akan diproses
- 7.1.5 Salina dokumen-dokumen berikut untuk Lesen Penjaja dihantar dikepulkan (semua dokumen hendak bersaiz A4) :-

- (i) Salinan Kad Pengenalan
-Pemohon
-Pembantu Kedai (Jika ada)

-jika gerai persendirian perlu kemukakan gambar perangkap minyak (*Grease Trap*)
- (ii) Salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM)
- (iii) Salinan Suntikan TY2 (Typhoid) Peniaga Makanan Sahaja.
-Pemohon
-Pembantu Kedai (jika ada)
- (iv) Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan (Peniaga makanan sahaja)
- (v) Gambar ukuran passport tiga (3) keping

7.2 SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN

7.2.1 SYARAT -SYARAT LESEN PENJAJA BEREDAR

1. Tiap-tiap peniaga statik / gerai yang menjalankan perniagaan di gerai Majlis Bandaraya Alor Setar hendaklah mempunyai lesen yang di keluarkan oleh Datuk Bandar, MBAS.
2. Lesen hendaklah dipamerkan semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindahmilik.
3. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut keterangan yang tertera didalam lesen dan petak yang dikhaskan untuknya.
4. Tiap-tiap peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dalam lingkungan 9 meter dari sesuatu simpang jalan.
5. Jarak perniagaan mestilah di luar lingkungan 3.6 meter dari pili bomba.
6. Dilarang menjalankan perniagaan di atas tangga, kaki lima atau siar kaki awam.

7. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau motosikal awam.
8. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di mana-mana kawasan yang difikirkan Majlis boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki.
9. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau motosikal awam.
10. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di mana-mana kawasan yang difikirkan Majlis boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki.
11. Dilarang bermiaga di kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital dan pasar awam.
12. Jarak perniagaan haruslah berada dalam kawasan 40 meter dari perhentian bas, stesen bas dan perhentian teksi.
13. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di semua kawasan pejabat kerajaan
14. Dilarang menjalankan perniagaan di mana-mana jalan awam yang ditentukan oleh Datuk Bandar.
15. Dilarang menjalankan perniagaan di semua jalan protokol, jalan utama serta jalan bandaran.
16. Mana-mana orang yang bertindak sebagai penjaja beredara hendaklah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.
17. Tiap-tiap penjaja beredara yang dilesenkan hendaklah membawa dan mempamerkan lesen tersebut semasa menjalankan perniagaan.
18. Mana-mana penjaja beredara hendaklah mematuhi apa-apa notis arahan rasmi, pekeliling dan arahan lisan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pihak Majlis.

19.Para penjaja beredar adalah **DILARANG** sama sekali menyewa atau memberi kebenaran kepada orang lain menggunakan lesen tersebut bagi tujuan perniagaan atau tujuan lain.

20.Mana-mana penjaja beredar / bergerak yang berhasrat menghentikan perniagaan hendaklah memaklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis dalam tempoh 14 hari daripada tarikh menghentikan perniagaan.

21.Mana-mana penjaja penjaja beredar / bergerak adalah **DILARANG** sama sekali membuat apa-apa tambahan struktur dan binaan kepada perniagaannya.

22. Pihak Majlis dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pihak Majlis berhak membuat lawatan dan pemeriksaan dari masa ke semasa bagi apa-apa tujuan yang dianggap mustahak oleh pihak Majlis.

23.Tiap-tiap penjaja hendaklah menyediakan tong sampah yang sesuai,bertutup,menggunakan karung plastik yang mencukupi menurut syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

24. Tiap-tiap penjaja hendaklah dari masa ke semasa menjaga kebersihan kenderaan perniagaan seperti BRT/Kereta Tolak dan sebagainya supaya sentiasa bersih.

25. Mana-mana penjaja beredar adalah **DILARANG** sama sekali menempatkan meja dan kerusi semasa menjalankan perniagaan selain daripada waktu dibenarkan.

26. Tiap-tiap penjaja beredar hendaklah mengalihkan kenderaan dan perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.

27.Segala sisa makanan dan sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah dan hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Datuk Bandar.

28.Mana-mana penjaja adalah **DILARANG** sama sekali menyebabkan atau membenarkan diletakkan,ditumpahkan,ditaburkan atau membuang mana-mana darah,air asin,cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.

29. Waktu operasi perniagaan bagi penjaja muslim pada bulan Ramadhan dibenarkan bermula dari jam 3.00 Petang.

30. Pihak Majlis akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Setiap arahan daripada Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dan pihak Majlis boleh menurut bicaranya menggantung/ membatal/ enggan memperbaharui lesen tanpa sebarang sebab dan notis.

7.2.2 SYARAT – SYARAT LESEN PENJAJA STATIK

1. Tiap-tiap peniaga statik / gerai yang menjalankan perniagaan di gerai Majlis Bandaraya Alor Setar hendaklah mempunyai lesen yang di keluarkan oleh Datuk Bandar, MBAS.
2. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Alor Setar hendaklah dipamerkan di tempat yang sesuai dan mudah dilihat di dalam kedai semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindahmilik.
3. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut keterangan yang tertera didalam lesen dan dipetak yang dikhaskan untuknya.
4. Jenis, waktu dan lokasi perniagaan adalah seperti yang dibenarkan dan tertera seperti di dalam kad lesen sahaja.
5. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau motosikal awam.
6. Pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut keterangan dan pada tempat yang dikhaskan sahaja seperti yang dinyatakan di kad lesen dan surat kelulusan.
7. Pemegang lesen gerai/kiosk makanan hendaklah memasang perangkap minyak "**grease trap**" (jika perlu) dan tidak dibenarkan membuang sisa makanan ke dalam longkang atau parit
8. Pemegang lesen gerai / kiosk dan pekerja (pengendali makanan) hendaklah :-
 - a) Menjalani pemeriksaan kesihatan;
 - b) Menghadiri kursus pengendali makanan;
 - c) Memakai apron dan penutup kepala; dan
 - d) Menjaga kebersihan diri
9. Pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) DILARANG
 - a) Berkuku panjang dan kotor;
 - b) Merokok semasa mengendalikan makanan;
 - c) Memakai selipar dan sandal; dan

- d) Menyentuh dan mengambil makanan tanpa alas
10. Pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) hendaklah memastikan meja makan hendaklah sentiasa bersih dari kekotoran.
11. Pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) hendaklah memastikan tempat penyediaan makanan hendaklah sentiasa bersih dari kekotoran.
12. Pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) hendaklah menyimpan bahan mentah/makanan yang telah dimasak di tempat yang sesuai.
13. Pemegang lesaen gerai / kiosk (pengedali makanan) hendaklah memastikan :-
- a) Makanan yang telah dimasak sentiasa ditutup dan bebas dari urungan serangga seperti lalat dan lipas
 - b) Gerai / kiosk bebas dari serangga, haiwan rodensia dan haiwan peliharaan.
14. Pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) TIDAK DIBENARKAN :-
- a) Menjalankan perniagaan di dalam petak letak kereta atau motosikal;
 - b) Menjalankan perniagaan di kawasan yang boleh menimbulkan gangguan lalulintas; dan
 - c) Meletakkan papan tanda / iklan di atas tanah kerajaan.
15. Semasa bulan Ramadhan, waktu perniagaan hanya dibenarkan selepas jam 3 petang ke atas sahaja.
16. Pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
17. Sekiranya pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) melanggar mana-mana syarat ini, pihak Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemegang lesen gerai / kiosk (pengendali makanan) mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunakan oleh pihak Majlis.
18. Pihak Majlis berhak meminda syarat-syarat ini mengikut keperluan dan kesesuaian dari masa ke semasa.
19. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di mana-mana kawasan yang difikirkan Majlis boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki.
20. Pelesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan secara bertulis atau lisan yang diperuntukan.

21. Pelesen juga diwajibkan mempamerkan harga setiap jenis makanan atau barang.
22. Ditegah meletakkan papan tanda / iklan di atas tanah simpanan kerajaan.
23. Di kehendaki membuang segala barang-barang yang tidak dipakai ke tempat lain.
24. Dikehendaki membuang segala rumput rampai di tepi pagar kawasan kedai.
25. Dikehendaki membaiki pagar kawasan perniagaan yang didapati rosak.
26. Dikehendaki membaiki lantai simen kedai yang didapati rosak.
27. Dikehendaki membina saluran parit simen di sekitar kawasan kedai jika berkenaan
28. Dikehendaki menyediakan tong yang sesuai untuk membuang sampah
29. Ditegah meletak barang-barang dagangan di bahagian hadapan kedai.
30. Ditegah meletak barang-barang jualan di tepi jalan yang boleh menyebabkan halangan lalulintas awam atau memburukkan pemandangan halaman.
31. Dikehendaki mengecat semula kedai supaya kelihatan cantik.
32. Sebarang tambahan / pengubahsuaian terhadap kedai hendaklah mendapat kebenaran / kelulusan dari Majlis.
33. Dikehendaki menjelaskan tunggakan cukai pintu jika ada

34. Dikehendaki menghapuskan semua tempat pembiakan nyamuk aedes (jika ada)
35. Para penjaja berpetak adalah **DILARANG** sama sekali menyewa atau memberi kebenaran kepada orang lain menggunakan lesen tersebut bagi tujuan perniagaan atau tujuan lain.

36. Mana-mana penjaja yang menghentikan perniagaan hendaklah memaklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh menghentikan perniagaan.

37. Pihak Majlis dan mana-mana orang yang diberikuasa oleh pihak Majlis berhak membuat lawatan pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi apa-apa tujuan yang dianggap mustahak oleh pihak Majlis.

38. Tiap-tiap penjaja hendaklah menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup, menggunakan karung plastik yang mencukupi menurut syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
39. Mana-mana penjaja adalah bertanggungjawab membersihkan tempat perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.
40. Segala sisa makanan dan sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah dan hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Datuk Bandar.
41. Mana-mana penjaja berpetak hendaklah mematuhi apa-apa notis arahan rasmi, pekeliling dan arahan lisan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh pihak Majlis.
42. Mana-mana penjaja adalah **DILARANG** sama sekali menyebabkan atau membenarkan, diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau membuang mana-mana darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau diatas mana-mana tempat awam lain.
43. Sila serahkan salinan resit pembelian alat pemadam api yang disahkan oleh Jabatan Bomba kepada Majlis
44. Sila serahkan salinan resit pembelian peti kecemasan serta ubat-ubatan yang perlu
45. Sila kemukakan permohonan lesen iklan (jika ada)

7.2.3 SYARAT – SYARAT LESEN PERMIT SEMENTARA

SYARAT-SYARAT PERMIT SEMENTARA

1. Permit sementara adalah dibenarkan untuk tujuan berikut iaitu:

- Ekspo/karnival yang berunsurkan perniagaan di atas tapak hak milik atau kawasan awam yang diselenggara oleh Majlis atau di dalam bangunan seperti dewan.
- Premis perniagaan yang bercadang mengadakan majlis pembukaan kedai dengan syarat telah mempunyai lesen atau telah memohon lesen perniagaan.

- Premis yang mengadakan promosi sempena ulangtahun pembukaan kedai
- Promosi jualan murah dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- Promosi sempena musim perayaan dan upacara keagamaan.
- Pemasangan khemah bagi tujuan majlis perasmian pembukaan pejabat pengurusan/institusi kewangan dan sebagainya.
- Pemasangan khemah bagi tujuan majlis jamuan makan/perkahwinan dan sebagainya

2. PENGENDALI MAKANAN

- a) Pengendali makanan hendaklah mendapatkan pemeriksaan pegawai perubatan dan suntikan TY2 untuk layak mengendali makanan.
 - b) Pengendali makanan hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Majlis
 - c) Semua pengendali makanan diwajibkan memakai apron yang berwarna cerah dan penutup kepala yang bersih.
 - d) Setiap pengendali makanan dilarang:-
 - Berkuku panjang dan kotor
 - Merokok semasa mengendali makanan
 - Memakai selipar dan sandal
 - Menyentuh dan mengambil makanan yang dimasak dengan tangan(Hendaklah menggunakan sarung tangan dan peralatan yang sesuai.)
3. Penganjuran ekspos / karnival bersama ‘funfair’ atau pertunjukan pentas hendaklah mendapat kelulusan lesen hiburan awam daripada Pejabat Daerah Kota Setar.

4. Permohonan hendaklah dikemukakan **sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh aktiviti** hendak dijalankan.
5. Kawasan / lokasi dan tempoh perniagaan yang dibenarkan adalah seperti di dalam kelulusan permit sementara yang di keluarkan oleh pihak Majlis Bandaraya Alor Setar
6. Pemegang permit sementara ini mestilah bertanggungjawab terhadap kebersihan dan keindahan premis perniagaan dan persekitarannya.
7. Pemegang premis adalah bertanggungjawab terhadap sebarang unsur berbentuk liabiliti yang mana disebabkan oleh aktiviti perniagaan yang dijalankan.
8. Perniagaan mestilah bebas dari unsur-unsur provokatif atau anti-kerajaan atau mana-mana perbuatan yang cenderung ke arah tersebut dan yang dianggap boleh menimbulkan keresahan dan kacau ganggu kepada orang awam.
9. Barang jualan hendaklah bersesuaian dengan musim perayaan atau promosi yang dijalankan seperti mana yang dinyatakan di dalam borang permohonan.
10. Penutupan jalan sepenuhnya tidak dibenarkan.
11. Pemasangan kain rentang dan banting / streamer perlu mendapatkan kelulusan Majlis dan mematuhi garis panduan lesen iklan sementara yang ditetapkan.
12. Khemah hendaklah dibuka sebaik tempoh kelulusan tamat.

13. Hendaklah mempamerkan stiker kelulusan permit sementara di khemah / kaki lima / bahagian yang mudah dilihat.

14. Bayaran perlu dijelaskan sebelum aktiviti dijalankan dan kadar bayaran yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	HARGA (RM)	TEMPOH
1	Wang Proses	10.00	
2	Pelekat	3.00	
3	Permit sementara	60.00/1 peniaga	1 hari
4	Tempat letak kereta	20.00 / 1 lot	1 hari
5	Perkhidmatan sampah	5.00	1 hari
6	Permit khemah	50.00/per unit	1 hari
7	Wang pertaruhan khemah	1,000.00	
8	Wang pertaruhan tanpa khemah	150.00	

* Bayaran khemah RM 50.00 x 1 khemah dan bayaran khemah yang ke-4 adalah mengikut kiraan kaki.

15. Permit sementara ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Majlis Bandaraya Alor Setar tanpa memberikan apa-apa sebab atas pembatalan tersebut dan pemegang permit adalah tertakluk kepada sebarang arahan atau pindaan dalam syarat-syarat ini.

16. Majlis Bandaraya Alor Setar adalah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang unsur-unsur kemalangan, kerugian atau mana-mana yang bersifat liabiliti semasa perniagaan sementara ini berlangsung.

17. Pelesen adalah tertakluk kepada **peraturan** dan **undang-undang** yang ditetapkan dan pihak Majlis berhak menarik balik kelulusan yang terdapat sekiranya terdapat sebarang perubahan pelanggaran dan aduan yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu.

18. Tuntutan Wang Pertaruhan perlu dituntut dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh wang pertaruhan dibayar dan jika pemohon gagal untuk membuat tuntutan wang pertaruhan akan di mansuhkan dan perlu menyerahkan pemohonan tuntutan Wang Pertaruhan serta dokumen iaitu Resit wang pertaruhan (asal), salinan kad pengenalan, salinan penyata akaun Bank pemohon.

1. Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini adalah benar, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar berhak menolak permohonan ini ataupun menarik balik permit sementara yang telah dikeluarkan kepada saya.
2. Saya juga berjanji tidak akan menukar atau menambah sebarang aktiviti perniagaan saya kecuali mendapat kelulusan terlebih dahulu . Saya akan memaklumkan kepada pihak Majlis jika saya memberhentikan perniagaan atau menukar tarikh perniagaan atau menukar tapak perniagaan.
3. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat-syarat permit sementara dan kehendak Majlis yang berkaitan dengan pengeluaran lesen. Jika gagal berbuat demikian pihak berhak mengambil tindakan **UNDANG-UNDANG** termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya tanpa sebarang notis.

7.2.4 SYARAT SYARAT LESEN PASAR AWAM

1. Tiap-tiap peniaga yang menjalankan perniagaan di Pasar Awam di dalam kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar hendaklah mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar MBAS;
2. Lesen hendaklah dipamerkan semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindahmilik;
3. Tempoh sah lesen adalah **TIGA PULUH (30) HARI** dari tarikh lesen diluluskan dan perlu diperbaharui pada minggu pertama setiap bulan atau selewat-lewatnya pada **TUJUH (7)** hari pertama setiap bulan berkenaan;
4. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut **jenis perniagaan** seperti mana yang tercatat dalam bil atau kad lesen sahaja;
5. Menjalankan perniagaan di nombor meja/gerai yang diluluskan oleh pihak Majlis sahaja;
6. Pihak Majlis akan mengenakan wang cagaran pada kadar **TIGA (3)** bulan fee lesen yang akan didepositkan kepada pihak Majlis selama kelulusan dibenarkan sebagai pendahuluan pembayaran fee lesen dan akan dikembalikan setelah ditolak apa-apa perbelanjaan atau potongan yang patut ditanggung oleh pemegang lesen;
7. Pemegang lesen tidak dibenarkan sama sekali menyewa meja/gerai kepada orang lain dan jika terdapat pemegang lesen yang tidak menjalankan perniagaan atas sebab-sebab yang tidak munasabah walaupun fee lesen dijelaskan, pihak Majlis berhak untuk membatalkan kelulusan lesen tersebut serta merta;
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan kebersihan meja/gerai yang digunakan diselenggara, di cuci dan dijaga dengan baik semasa perniagaan dijalankan dan

selepas tamat waktu perniagaan, serta menyediakan tong sampah sendiri yang mempunyai penutup di dalam ruang niaga masing-masing;

9. Sampah dan sisa pepejal yang dihasilkan seperti sayuran, apa-apa bahan yang tidak diinginkan atau najis siangan ikan, ayam dan seumpamanya perlu dikumpulkan ke dalam tong sampah dan perlu dibuang sendiri ke dalam tong sampah ‘row-row’ yang disediakan;
10. Dilarang membuang / menumpah apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau mana-mana tempat awam dan lain-lain bahan dalam mana-mana tempat awam;
11. Waktu operasi yang dibenarkan adalah dari jam **6.00 pagi sehingga 12.00 tengahari** sahaja. Selepas tempoh waktu tersebut pemegang lesen hendaklah meninggalkan kawasan pasar dan hendaklah memastikan kebersihan dan susunan kemudahan yang terdapat di tempat tersebut dalam keadaan bersih dan teratur;
12. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan atau menyimpan peralatan di tempat yang digunakan selepas waktu perniagaan;
13. Pemegang lesen perlu memastikan kawasan meja/gerai tidak mengganggu laluan atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain dan tiada sebarang penyambungan / mendirikan struktur kekal atau sementara di sekitar kawasan berkenaan;
14. **Peniaga yang menjual ayam hanya dibenarkan menjual ayam sahaja. Tidak dibenarkan sama sekali menyembelih dan memproses ayam di meja/gerai;**
15. Tidak boleh meletakkan apa-apa peralatan atau struktur tambahan seperti meja, kayu, besi atau peti ikan atau peti sayur dan seumpamanya di meja/gerai;
16. Pemegang lesen tidak dibenarkan sama sekali menggantung apa jua benda atau peralatan di hadapan meja/gerai yang boleh mengganggu atau mencacatkan persekitaran, samada untuk tujuan promosi atau lain-lain yang berkaitan;

17. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan atau membuat sebarang penyambungan haram bagi meter air dan meter elektrik yang ada dalam pasar;
18. Pemegang lesen tidak dibenarkan membuat bising dengan apa cara sekali pun semasa menjalankan perniagaan;
19. Pemegang lesen, pekerja atau mana-mana orang awam tidak dibenarkan meletakkan atau membawa masuk apa-apa jenis kenderaan ke dalam pasar;
20. Bagi perniagaan barang TIDAK HALAL, tidak dibenarkan sama sekali membawa atau menyimpan atau mengangkat atau menggunakan laluan di persekitaran barang HALAL, kerana ini akan mengganggu sensitiviti agama yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada peniaga dan orang awam;
21. Pemegang lesen adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang Majlis dan pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang perlanggaran dan aduan yang dirasakan boleh mengugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu dan
22. PERINGATAN : Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan/kecurian yang berlaku semasa dan selepas tempoh perniagaan dijalankan;

TAMBAHAN : SYARAT BAGI RUMAH PENYEMBELIHAN DI PASAR AWAM

